

**KERAJAAN MALAYSIA**

---

**PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 3 TAHUN 2021**

---

**PENJUMUDAN SKIM PERKHIDMATAN PEGAWAI MAKMAL FILEM,  
PENOLONG PEGAWAI MAKMAL FILEM, PEMBANTU MAKMAL FILEM,  
PENGUASA BEKALAN AIR DAN JURUBAHASA SERENTAK**

**TUJUAN**

1. Pekeliling Perkhidmatan ini bertujuan memaklum dan melaksanakan keputusan Kerajaan mengenai penjumudan lima (5) skim perkhidmatan yang sedang berkuat kuasa melalui Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2016 seperti berikut:

- (a) Pegawai Makmal Filem Gred C41, C44, C48, C52, C54;
- (b) Penolong Pegawai Makmal Filem Gred C29, C32, C38, C40;
- (c) Pembantu Makmal Filem Gred C19, C22, C26, C28;
- (d) Penguasa Bekalan Air Gred J19, J22, J26, J28; dan
- (e) Jurubahasa Serentak Gred N41, N44, N48, N52, N54.

## LATAR BELAKANG


2. Kerajaan bersetuju supaya skim perkhidmatan Pegawai Makmal Filem, Penolong Pegawai Makmal Filem, Pembantu Makmal Filem, Penguasa Bekalan Air dan Jurubahasa Serentak dijumlahkan bagi memastikan penggunaan sumber manusia secara optimum. Penjumlahan ini dibuat berikutan skop fungsi tugas perkhidmatan tersebut boleh diambil alih oleh perkhidmatan lain.

## PELAKSANAAN


3. Pegawai di skim perkhidmatan Pegawai Makmal Filem dan skim perkhidmatan Jurubahasa Serentak ditawarkan opsyen pertukaran pelantikan ke skim perkhidmatan Pegawai Tadbir, skim perkhidmatan Penolong Pegawai Makmal Filem ditawarkan opsyen pertukaran pelantikan ke skim perkhidmatan Penolong Pegawai Tadbir, skim perkhidmatan Pembantu Makmal Filem ditawarkan opsyen pertukaran pelantikan ke skim perkhidmatan Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) dan skim perkhidmatan Penguasa Bekalan Air ditawarkan opsyen pertukaran pelantikan ke skim perkhidmatan Pembantu Kemahiran.

4. Pegawai yang terlibat akan ditawarkan opsyen pertukaran pelantikan pada gred jawatan yang sama atau setara dengan gred jawatan asal seperti di dalam **Jadual 1, Jadual 2, Jadual 3, Jadual 4** dan **Jadual 5** berikut:


**Jadual 1: Pegawai Makmal Filem Ke Pegawai Tadbir**

<b>Pegawai Makmal Filem</b>		<b>Pegawai Tadbir</b>
C54		N54
C52		N52
C48		N48
C44		N44
C41		N41


**Jadual 2: Penolong Pegawai Makmal Filem Ke Penolong Pegawai Tadbir**

<b>Penolong Pegawai Makmal Filem</b>		<b>Penolong Pegawai Tadbir</b>
C40		N40
C38		N36
C32		N32
C29		N29


**Jadual 3: Pembantu Makmal Filem Ke Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi)**

<b>Pembantu Makmal Filem</b>		<b>Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi)</b>
C28		N28
C26		N26
C22		N22
C19		N19

**Jadual 4: Penguasa Bekalan Air Ke Pembantu Kemahiran**

<b>Penguasa Bekalan Air</b>		<b>Pembantu Kemahiran</b>
J28		H28
J26		H26
J22		H22
J19		H19

**Jadual 5: Jurubahasa Serentak Ke Pegawai Tadbir**

<b>Jurubahasa Serentak</b>		<b>Pegawai Tadbir</b>
N54		N54
N52		N52
N48		N48
N44		N44
N41		N41

## **PEMBERIAN OPSYEN**

### **Prinsip Umum Pertukaran Pelantikan**

5. Pertukaran pelantikan dibuat berdasarkan gred hakiki. Pegawai yang sedang memangku boleh dipertimbangkan pengecualian syarat tempoh pemangkuan oleh Lembaga Kenaikan Pangkat bagi membolehkan pegawai dinaikkan pangkat atas jawatan yang dipangku sebelum tarikh kuat kuasa pertukaran pelantikan tertakluk pegawai memenuhi syarat kenaikan pangkat yang ditetapkan. Urusan kenaikan pangkat hendaklah diselesaikan sebelum tawaran opsyen dikeluarkan.
6. Pihak Berkuasa Melantik melalui Ketua Jabatan hendaklah menawarkan opsyen kepada pegawai yang sedang berkhidmat dalam skim perkhidmatan yang berkaitan bagi membolehkan pegawai berkenaan membuat pilihan.
7. Pegawai yang bersetuju menerima opsyen akan ditukar lantik ke skim perkhidmatan yang ditawarkan pada tarikh kuat kuasa Pekeliling Perkhidmatan ini.
8. Pegawai yang menolak opsyen atau tidak membuat sebarang opsyen atau gagal mengembalikan borang opsyen dalam tempoh yang ditetapkan tanpa apa-apa sebab yang munasabah atau membuat opsyen yang bersyarat dianggap sebagai tidak bersetuju untuk ditukar lantik ke skim perkhidmatan yang ditawarkan dan pegawai akan dibersarakan di bawah perenggan 10(5)(b) Akta Pencen 1980 [Akta 227] atau Akta Pencen Pihak-pihak Berkuasa Berkanun dan Tempatan 1980 [Akta 239] bagi pegawai berpencen atau

subseksyen 6A(6) Akta 227 atau Akta 239 bagi pegawai yang memilih Skim Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP).

9. Semua pegawai yang terlibat diberi tempoh tiga puluh (30) hari mulai tarikh surat tawaran diterima oleh pegawai untuk membuat pilihan sama ada menerima atau menolak tawaran opsyen ini. Pilihan yang dibuat oleh pegawai adalah muktamad.

10. Tawaran opsyen ini hanya diberi kepada pegawai yang bertaraf tetap dan masih dalam perkhidmatan pada 2 Oktober 2021, termasuk mereka yang masih dalam tempoh percubaan serta berada dalam Sistem Saraan Malaysia.

11. Tawaran opsyen ini juga hendaklah diberi kepada mereka yang berada dalam keadaan berikut:

- (a) dipinjamkan atau ditukar sementara;
- (b) sedang bercuti;
- (c) sedang dalam proses tindakan tatatertib; atau
- (d) sedang menjalani hukuman tatatertib.

12. Pegawai yang sedang dalam proses tindakan tatatertib, jika disabit kesalahannya dan dijatuhi hukuman buang kerja dalam tempoh opsyen, maka tawaran opsyen tersebut dengan sendirinya terbatal.

13. Sekiranya surat tawaran opsyen tidak dapat disampaikan, termasuk kepada pegawai yang berada dalam keadaan seperti yang dinyatakan dalam perenggan 11, Ketua Jabatan boleh menawarkan surat tawaran opsyen dengan memberi tempoh yang sama (**30 hari**) bagi membolehkan pegawai tersebut membuat pilihan, walaupun tempoh opsyen asal telah tamat.

14. Bagi pegawai yang tidak hadir bertugas tanpa cuti, tanpa kebenaran atau tanpa apa-apa sebab yang munasabah semasa opsyen dikeluarkan dan berkuat kuasa, Ketua Jabatan boleh menawarkan surat tawaran opsyen apabila pegawai kembali bertugas tertakluk kepada pegawai memenuhi syarat kelayakan yang ditetapkan. Tarikh kuat kuasa pertukaran pelantikannya adalah pada tarikh pegawai itu kembali hadir bertugas. Pegawai tersebut akan dikekalkan di skim perkhidmatan asal pada gred jawatan asal secara Khas Untuk Penyandang (KUP) sehingga tarikh pegawai ditukar lantik.

15. Tawaran opsyen ini tidak melibatkan pegawai lantikan sementara atau kontrak. Perkhidmatan pegawai tersebut boleh diteruskan sehingga tamat tempoh kontrak yang berkuat kuasa. Urusan pelantikan semula pegawai berkenaan akan diuruskan oleh Ketua Jabatan, tertakluk kepada pegawai memenuhi syarat skim perkhidmatan yang berkuat kuasa mulai 2 Oktober 2021.

#### **Tempoh Perkhidmatan Yang Boleh Diambil Kira Bagi Tujuan Kenaikan Pangkat Secara *Time-Based* Berasaskan Kecemerlangan**

16. Tempoh perkhidmatan pegawai dalam jawatan asal sebelum pertukaran pelantikan boleh diambil kira bagi pengiraan tempoh perkhidmatan 13 tahun dalam urusan kenaikan pangkat secara *Time-Based* Berasaskan Kecemerlangan melibatkan pelaksanaan *Time-Based* Kali Pertama (TBK1) atau *Time-Based* Kali Kedua (TBK2).

#### **KAEDAH PELAKSANAAN OPSYEN**

17. Bagi melaksanakan opsyen ini, Pihak Berkuasa Melantik, Ketua Jabatan dan pegawai yang terlibat hendaklah mematuhi kaedah yang ditetapkan seperti berikut:

**(a) Pihak Berkuasa Melantik**

Pihak Berkuasa Melantik boleh mewakilkan kuasa kepada Ketua Jabatan untuk menawarkan opsyen pertukaran pelantikan kepada pegawai yang terlibat.

**(b) Ketua Jabatan**

Tanggungjawab Ketua Jabatan adalah seperti berikut:

- (i) menawarkan opsyen kepada pegawai terlibat setelah menerima perwakilan kuasa daripada Pihak Berkuasa Melantik;
- (ii) memberi penjelasan terperinci mengenai opsyen kepada pegawai yang terlibat dan implikasi keputusan yang dibuat;
- (iii) mengemas kini Kenyataan Perkhidmatan dan Kenyataan Cuti pegawai yang terlibat selaras dengan perubahan-perubahan berkaitan; dan
- (iv) melaporkan kepada Jabatan ini (Bahagian Pembangunan Organisasi) mengenai status pelaksanaan Pekeliling Perkhidmatan ini sebelum 31 Disember 2021 mengikut format seperti di **Lampiran A**.

**(c) Pegawai Yang Ditawarkan Opsyen**

Pegawai yang ditawarkan opsyen hendaklah –

- (i) membaca dengan teliti dan faham mengenai opsyen sebelum membuat keputusan. Jika terdapat sebarang keraguan, pegawai hendaklah merujuk kepada Ketua Jabatan untuk mendapatkan penjelasan selanjutnya. Pemilihan opsyen adalah muktamad; dan
- (ii) melengkapkan dua (2) salinan borang opsyen dan mengembalikan kepada Ketua Jabatan dalam tempoh tiga puluh (30) hari mulai tarikh surat tawaran diterima oleh pegawai untuk disahkan. Satu (1) salinan borang opsyen akan disimpan oleh Ketua Jabatan manakala satu (1) salinan lagi untuk simpanan pegawai berkenaan.

18. Bagi urusan pemberian opsyen pertukaran pelantikan pegawai dalam skim perkhidmatan Pegawai Makmal Filem, Penolong Pegawai Makmal Filem, Pembantu Makmal Filem, Penguasa Bekalan Air dan Jurubahasa Serentak, dokumen yang berkaitan adalah seperti berikut:

- (a) Dokumen bagi Pegawai di Gred Lantikan dan Lapisan Pertama Gred Kenaikan Pangkat Kumpulan Pelaksana

Contoh Surat Tawaran Pertukaran Pelantikan, Syarat-syarat Pertukaran Pelantikan, Surat Akuan Terima dan Borang Opsyen Pertukaran Pelantikan adalah seperti **Lampiran B, B1, B2 dan B3**.

- (b) Dokumen bagi Pegawai di Gred Kenaikan Pangkat **Selain** Lapisan Pertama Gred Kenaikan Pangkat Kumpulan Pelaksana

Contoh Surat Tawaran Pertukaran Pelantikan, Syarat-syarat Pertukaran Pelantikan, Surat Akuan Terima dan Borang Opsyen Pertukaran Pelantikan adalah seperti **Lampiran C, C1, C2 dan C3**.

- (c) Dokumen bagi Pegawai dalam Kumpulan Pengurusan dan Profesional

Contoh Surat Tawaran Pertukaran Pelantikan, Syarat-syarat Pertukaran Pelantikan, Surat Akuan Terima dan Borang Opsyen Pertukaran Pelantikan adalah seperti **Lampiran D, D1, D2 dan D3**.

## **KAEDAH PENETAPAN GAJI PERMULAAN**

19. Penetapan gaji permulaan di jawatan tukar lantik adalah seperti berikut:

- (a) pada amaun gaji minimum di gred jawatan baharu sekiranya gaji akhir di jawatan asal adalah sama atau lebih rendah daripada gaji minimum di gred jawatan baharu; atau



- (b) pada amaun gaji yang sama dengan amaun gaji akhir jika gaji akhir di gred jawatan asal adalah lebih tinggi daripada gaji minimum di gred jawatan baharu.

20. Pegawai yang gaji akhirnya tidak dapat ditampung oleh amaun gaji dalam Jadual Gaji Minimum-Maksimum mengikut kaedah di atas, maka jadual gaji KUP hendaklah dipohon daripada Jabatan ini (Bahagian Saraan) dengan mengemukakan salinan Kenyataan Perkhidmatan pegawai terlibat yang telah dikemas kini.

21. Contoh penentuan gaji permulaan bagi pertukaran pelantikan ini adalah seperti di **Lampiran E**.

### **TARIKH PERGERAKAN GAJI**

22. Tarikh Pergerakan Gaji (TPG) bagi pegawai yang terlibat dalam urusan ini dikekalkan mengikut TPG jawatan asal.

### **ELAUN DAN KEMUDAHAN**

23. Urusan pertukaran pelantikan ini tidak melibatkan sebarang perubahan elaun dan kemudahan yang sedang diterima oleh pegawai mengikut Pekeliling Perkhidmatan/Surat Pekeliling Perkhidmatan/Surat Edaran yang berkuat kuasa. Walau bagaimanapun, penetapan kadar elaun dan kemudahan tersebut adalah tertakluk kepada penetapan gred jawatan pegawai ditukar lantik.

### **TARIKH KUAT KUASA**

24. Pekeliling Perkhidmatan ini berkuat kuasa mulai **2 Oktober 2021**.

### **PEMBATALAN**

25. Dengan berkuat kuasanya Pekeliling Perkhidmatan ini, maka skim perkhidmatan Pegawai Makmal Filem, Penolong Pegawai Makmal Filem, Pembantu Makmal Filem, Penguasa Bekalan Air dan Jurubahasa Serentak di bawah Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2016 adalah dibatalkan.

## **PEMAKAIAN**

26. Tertakluk kepada penerimaannya oleh pihak berkuasa masing-masing, peruntukan Pekeliling Perkhidmatan ini dipanjangkan kepada semua Perkhidmatan Negeri, Pihak Berkuasa Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**



**(TAN SRI MOHD KHAIRUL ADIB BIN ABD RAHMAN)**

Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam  
Malaysia

JABATAN PERKHIDMATAN AWAM  
MALAYSIA  
PUTRAJAYA

30 Jun 2021

Semua Setiausaha Suruhanjaya Perkhidmatan

Semua Ketua Setiausaha Kementerian

Semua Ketua Jabatan Persekutuan

Semua YB Setiausaha Kerajaan Negeri

Semua Pihak Berkuasa Berkanun

Semua Pihak Berkuasa Tempatan

**STATUS PELAKSANAAN OPSYEN TUKAR LANTIK  
PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 3 TAHUN 2021**

**PENJUMUDAN SKIM PERKHIDMATAN PEGAWAI MAKMAL FILEM, PENOLONG PEGAWAI MAKMAL FILEM,  
PEMBANTU MAKMAL FILEM, PENGUASA BEKALAN AIR DAN JURUBAHASA SERENTAK**

Bil	Skim Perkhidmatan	Gred	Status Penerimaan Opsyen					
			Perjawatan	Pengisian	Bilangan Pegawai Ditawarkan Opsyen	Bilangan Opsyen Tidak Dapat Diserahkan	Bilangan Pegawai Menerima Opsyen	Bilangan Pegawai Menolak Opsyen
1.								
2.								
3.								
4.								
5.								

Disediakan Oleh:

Tanda Tangan : .....

Nama Pegawai : .....

Jawatan : .....

Jabatan : .....

**SURAT TAWARAN OPSYEN PERTUKARAN PELANTIKAN  
BAGI PEGAWAI DI GRED LANTIKAN DAN LAPISAN PERTAMA  
GRED KENAIKAN PANGKAT KUMPULAN PELAKSANA**

(*..... NAMA SKIM PERKHIDMATAN.....* GRED .....)

(*Nama dan Alamat Ketua Jabatan*)

.....  
.....

---

Fail Ruj.:  
Tarikh:

Nama : (*Nama Pegawai*)

Alamat: .....  
.....

Tuan/Puan,

**TAWARAN PERTUKARAN PELANTIKAN BERIKUTAN PENJUMUDAN SKIM  
..... SKIM PERKHIDMATAN ASAL DAN GRED..... MELALUI PEMBERIAN OPSYEN**

---

Dengan hormatnya dimaklumkan bahawa Kerajaan telah memutuskan penjumudan skim perkhidmatan ..... *skim perkhidmatan asal dan gred*..... dilaksanakan berkuat kuasa pada **2 Oktober 2021**. Sehubungan itu, tuan/puan ditawarkan pertukaran pelantikan sebagai ..... *skim perkhidmatan baharu*..... Gred ..... di (*Nama Jabatan*) di bawah Klasifikasi Perkhidmatan *klasifikasi perkhidmatan baharu*.. dengan gaji RM..... mulai pada tarikh yang sama.

2. Tawaran pertukaran pelantikan melalui opsyen ini tertakluk kepada syarat-syarat seperti dinyatakan di **Lampiran B1**. Tuan/Puan dikehendaki memberi jawapan sama ada **menerima atau menolak tawaran** pertukaran pelantikan ini dengan mengisi Borang Opsyen di **Lampiran B3**. Jawapan tuan/puan hendaklah sampai ke pejabat ini sebelum atau pada ..... (30 hari mulai tarikh surat tawaran diterima).

2.1 Sekiranya tuan/puan **menerima tawaran**, tuan/puan hendaklah:

Menandakan (✓) dalam kotak yang disediakan **di perenggan (a) dalam Borang Opsyen di Lampiran B3; atau**

2.2 Sekiranya tuan/puan **menolak tawaran**, tuan/puan hendaklah:

Menandakan (✓) dalam kotak yang disediakan **di perenggan (b) dalam Borang Opsyen di Lampiran B3**. Tuan/Puan akan dibersarakan di bawah perenggan 10(5)(b) Akta Pencen 1980 [*Akta 227*] atau Akta Pencen Pihak-pihak Berkuasa Berkanun dan Tempatan 1980 [*Akta 239*] bagi pegawai berpencen atau subseksyen 6A(6) Akta 227 atau Akta 239 bagi pegawai yang memilih Skim Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP).

Sekian, terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,

.....  
(Tandatangan Ketua Jabatan)

**SYARAT-SYARAT PERTUKARAN PELANTIKAN MELALUI OPSYEN BAGI  
.....*NAMA SKIM PERKHIDMATAN*..... GRED .....**

1. Kerajaan telah memutuskan supaya penjumudan skim perkhidmatan *..skim perkhidmatan asal dan gred..* dilaksanakan berkuat kuasa pada **2 Oktober 2021**. Dengan keputusan itu, tuan/puan diberi opsyen sama ada **menerima** untuk **ditukar lantik** sebagai *..skim perkhidmatan baharu dan gred..* ataupun **menolak tawaran** pertukaran pelantikan. Jika tuan/puan **menolak tawaran pertukaran pelantikan ini**, tuan/puan akan dibersarakan di bawah perenggan 10(5)(b) Akta Pencen 1980 [*Akta 227*] atau Akta Pencen Pihak-pihak Berkuasa Berkanun dan Tempatan 1980 [*Akta 239*] bagi pegawai berpencen atau subseksyen 6A(6) Akta 227 atau Akta 239 bagi pegawai yang memilih Skim Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP). Opsyen ini adalah **muktamad**.
2. Tempoh opsyen yang diberi kepada tuan/puan untuk membuat pilihan ialah **30 hari** mulai tarikh surat tawaran diterima oleh pegawai. Jika tuan/puan tidak membuat pilihan atau tidak melaporkan diri bertugas pada tarikh yang ditetapkan atau membuat pilihan yang bersyarat atau gagal mengembalikan borang opsyen tanpa sebarang sebab yang munasabah, tuan/puan adalah **dianggap menolak** tawaran pertukaran pelantikan dan akan **dibersarakan di bawah** perenggan 10(5)(b) Akta Pencen 1980 [*Akta 227*] atau Akta Pencen Pihak-pihak Berkuasa Berkanun dan Tempatan 1980 [*Akta 239*] bagi pegawai berpencen atau subseksyen 6A(6) Akta 227 atau Akta 239 bagi pegawai yang memilih Skim Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP).
3. Tuan/Puan akan ditawarkan ke jawatan .....  
*... skim perkhidmatan baharu dan gred.....*
4. Tuan/Puan akan tertakluk kepada syarat dan peraturan yang diperuntukkan dalam skim perkhidmatan yang tuan/puan ditukar lantik.

**OPSYEN**

**TEMPOH MEMBUAT  
OPSYEN**

**JAWATAN YANG  
DITAWARKAN**

**PEMAKAIAN SYARAT  
DAN PERATURAN  
PERKHIDMATAN  
BAHARU**

5. Tuan/Puan akan ditawarkan:

#### **GAJI PERMULAAN**

- (a) gaji minimum di gred jawatan baharu sekiranya gaji akhir di gred jawatan asal adalah sama atau lebih rendah daripada gaji minimum di gred jawatan baharu; atau
- (b) gaji yang sama dengan gaji akhir di gred jawatan asal jika gaji akhir tuan/puan di gred jawatan asal lebih tinggi daripada gaji minimum di gred jawatan baharu.

Pegawai yang gaji akhirnya tidak dapat ditampung oleh amaun gaji mengikut kaedah di atas, maka jadual gaji Khas Untuk Penyandang (KUP) hendaklah dipohon daripada Bahagian Saraan, JPA.

6. Pergerakan Gaji Tahunan pegawai yang sepatutnya diterima pada tahun pertukaran pelantikan hendaklah diberi dahulu di gred jawatan asal sebelum diselaraskan ke gred jawatan baharu.

#### **PERGERAKAN GAJI TAHUNAN**

7. Tarikh Pergerakan Gaji (TPG) tuan/puan adalah dikekalkan mengikut TPG jawatan asal.

#### **TARIKH PERGERAKAN GAJI**

8. Untuk tujuan pencen, tuan/puan yang telah disahkan dalam perkhidmatan di jawatan asal disifatkan telah disahkan dalam perkhidmatan di jawatan tukar lantik sehari selepas tarikh kuat kuasa pertukaran pelantikan.

#### **PENGESAHAN DALAM PERKHIDMATAN**

9. Tuan/Puan yang belum disahkan dalam perkhidmatan asal, dikehendaki menghabiskan baki tempoh percubaan dan boleh disahkan dalam perkhidmatan pada bila-bila masa sekiranya telah mencukupi tempoh sekurang-kurangnya satu (1) tahun termasuk mengambil kira tempoh percubaan jawatan asal tertakluk kepada syarat tuan/puan telah memenuhi semua syarat pengesahan dalam perkhidmatan yang ditetapkan. Syarat-syarat pengesahan dalam perkhidmatan yang telah dipenuhi dengan jayanya semasa di jawatan asal adalah dikecualikan.

#### **TEMPOH PERCUBAAN BAGI PEGAWAI YANG BELUM DISAHKAN**

10. Kekananan tuan/puan di jawatan baharu dikira mulai tarikh kuat kuasa pertukaran pelantikan.

#### **KEKANANAN**

- |     |   |   |
|-----|---|---|
| 11. | Tempoh perkhidmatan tuan/puan dalam gred jawatan ..... <i>jawatan.asal dan gred</i> ..... boleh diambil kira bagi pengiraan tempoh perkhidmatan 13 tahun dalam urusan kenaikan pangkat secara <i>Time-Based</i> Berasaskan Kecemerlangan melibatkan pelaksanaan <i>Time-Based</i> Kali Pertama (TBK1) atau <i>Time-Based</i> Kali Kedua (TBK2). | <b>TEMPOH YANG<br/>DIAMBIL KIRA BAGI<br/>KENAIKAN PANGKAT<br/>SECARA <i>TIME-BASED</i><br/>BERASASKAN<br/>KECEMERLANGAN</b> |
| 12. | Jika tuan/puan belum disahkan dalam perkhidmatan, tuan/puan layak diberi opsyen skim Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) sebelum diperakukan pengesahan dalam perkhidmatan di jawatan baharu.   | <b>OPSYEN SKIM KWSP</b>   |
| 13. | Taraf berpencen yang diberi kepada tuan/puan sebelum pertukaran pelantikan ini dikuatkuasakan akan dikekalkan.  | <b>TARAF BERPENCEN<br/>DIKEKALKAN</b>   |
| 14. | Tuan/Puan dibenarkan membawa baki cuti rehat tahunan dan cuti rehat yang telah dikumpulkan untuk tujuan <i>award</i> wang tunai sebagai gantian cuti rehat, mengikut syarat dan peraturan yang berkuat kuasa.   | <b>CUTI REHAT</b>   |
| 15. | Tuan/Puan boleh ditempatkan berkhidmat di mana-mana jua seperti mana yang diarahkan oleh Ketua Perkhidmatan/ Ketua Jabatan.   | <b>PENEMPATAN</b>   |
| 16. | Ketua Perkhidmatan tuan/puan ialah .....  | <b>KETUA<br/>PERKHIDMATAN</b>   |
| 17. | Tuan/Puan akan sentiasa tertakluk kepada peraturan dan arahan yang berkuat kuasa dalam perkhidmatan awam.   | <b>KEPERLUAN<br/>MEMATUHI<br/>PERATURAN</b>   |
| 18. | Tuan/Puan dikecualikan daripada syarat pemeriksaan kesihatan, akuan berkanun, aku janji dan tapisan keselamatan sekiranya tuan/puan telah memenuhi syarat tersebut semasa di jawatan asal.  | <b>SYARAT PELANTIKAN<br/>YANG DIKECUALIKAN</b>  |
| 19. | Pertukaran pelantikan tuan/puan melalui tawaran opsyen ini adalah berkuat kuasa mulai <b>2 Oktober 2021</b> .   | <b>TARIKH KUAT KUASA</b>  |
| 20. | Hubungan tuan/puan dengan perkhidmatan asal adalah terputus <b>kecuali</b> bagi tujuan faedah persaraan dan kemudahan-kemudahan lain yang diberi berdasarkan tempoh perkhidmatan seperti cuti rehat, cuti haji dan pinjaman.  | <b>HUBUNGAN DENGAN<br/>PERKHIDMATAN ASAL</b>  |



**SURAT AKUAN TERIMA**

Tarikh :

*Ketua Jabatan* .....

*Alamat* .....

.....

.....

.....

.....

Tuan,

**TAWARAN PERTUKARAN PELANTIKAN BERIKUTAN PENJUMUDAN SKIM  
.....*SKIM PERKHIDMATAN ASAL DAN GRED*..... MELALUI PEMBERIAN  
OPSYEN**

---

Saya ..... dengan ini mengesahkan  
bahawa saya telah menerima surat tuan bil. ....  
bertarikh ..... pada .....

Sekian, terima kasih.

.....

Nama :  
No. Kad Pengenalan :

**BORANG OPSYEN**  
**(.....SKIM PERKHIDMATAN ASAL..... GRED .....)**

---

Fail Ruj.:  
Tarikh:

(Nama dan Alamat Ketua Jabatan)

.....  
.....

Tuan,

**TAWARAN PERTUKARAN PELANTIKAN BERIKUTAN PENJUMUDAN SKIM**  
**.....SKIM PERKHIDMATAN ASAL DAN GRED..... MELALUI PEMBERIAN OPSYEN**

---

Berhubung dengan surat tuan bil.: ..... bertarikh  
..... mengenai perkara di atas, maka saya dengan ini membuat pilihan  
seperti berikut: -

\* (a) **Menerima tawaran** pertukaran pelantikan sebagai  
*skim perkhidmatan baharu dan gred* di (Nama Jabatan) di bawah  
Klasifikasi Perkhidmatan ..... dengan gaji  
RM..... dan syarat yang dinyatakan di **Lampiran B1** surat  
tawaran tuan;

**ATAU**

\* (b) **Menolak tawaran** pertukaran pelantikan sebagai  
*..skim perkhidmatan baharu dan gred..* dan dengan ini bersetuju  
dibersarakan di bawah perenggan 10(5)(b) Akta Pencen 1980 [Akta  
227] atau Akta Pencen Pihak-pihak Berkuasa Berkanun dan Tempatan  
1980 [Akta 239] bagi pegawai berpencen atau subseksyen 6A(6) Akta  
227 atau Akta 239 bagi pegawai yang memilih Skim Kumpulan Wang  
Simpanan Pekerja (KWSP).

2. Saya sesungguhnya faham kandungan surat tawaran ini dan implikasi ke atas pilihan yang saya buat.

Tandatangan : .....

Nama Penuh :

No.Kad Pengenalan :

Jawatan :

Tarikh :

Di hadapan :

.....

SAKSI\*\*

Nama Penuh :

No.Kad Pengenalan :

Jawatan :

Tarikh :

---

**Nota:**

\* Tandakan ( ✓ ) dalam salah satu petak yang berkenaan

\*\* Ketua Jabatan atau Pegawai dalam Kumpulan Pengurusan dan Profesional

**SURAT TAWARAN OPSYEN PERTUKARAN PELANTIKAN  
PEGAWAI DI GRED KENAIKAN PANGKAT SELAIN LAPISAN PERTAMA  
GRED KENAIKAN PANGKAT KUMPULAN PELAKSANA**

(*..NAMA SKIM PERKHIDMATAN.. GRED .....*)

*(Nama dan Alamat Ketua Jabatan)*

.....  
.....

Fail Ruj.:  
Tarikh:

Nama : *(Nama Pegawai)*

Alamat: .....  
.....

Tuan/Puan,

**TAWARAN PERTUKARAN PELANTIKAN BERIKUTAN PENJUMUDAN SKIM  
.....SKIM PERKHIDMATAN ASAL DAN GRED..... MELALUI PEMBERIAN OPSYEN**

Dengan hormatnya dimaklumkan bahawa Kerajaan telah memutuskan penjumudan skim perkhidmatan .....*skim.perkhidmatan.asal.dan.gred*..... dilaksanakan berkuat kuasa pada **2 Oktober 2021**. Sehubungan itu, tuan/puan ditawarkan pertukaran pelantikan sebagai .....*skim.perkhidmatan.baharu*... Gred ..... di (Nama Jabatan) di bawah Klasifikasi Perkhidmatan *.klasifikasi.perkhidmatan.baharu.* dengan gaji RM..... mulai pada tarikh yang sama.

2. Tawaran pertukaran pelantikan melalui opsyen ini tertakluk kepada syarat-syarat seperti dinyatakan di **Lampiran C1**. Tuan/Puan dikehendaki memberi jawapan sama ada **menerima atau menolak tawaran** pertukaran pelantikan ini dengan mengisi Borang Opsyen di **Lampiran C3**. Jawapan tuan/puan hendaklah sampai ke pejabat ini sebelum atau pada ..... (30 hari mulai tarikh surat tawaran diterima).

2.1 Sekiranya tuan/puan **menerima tawaran**, tuan/puan hendaklah:

Menandakan (✓) dalam kotak yang disediakan **di perenggan (a) dalam Borang Opsyen di Lampiran C3; atau**

2.2 Sekiranya tuan/puan **menolak tawaran**, tuan/puan hendaklah:

Menandakan (✓) dalam kotak yang disediakan **di perenggan (b) dalam Borang Opsyen di Lampiran C3**. Tuan/Puan akan dibersarakan di bawah perenggan 10(5)(b) Akta Pencen 1980 [*Akta 227*] atau Akta Pencen Pihak-pihak Berkuasa Berkanun dan Tempatan 1980 [*Akta 239*] bagi pegawai berpencen atau subseksyen 6A(6) Akta 227 atau Akta 239 bagi pegawai yang memilih Skim Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP).

Sekian, terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,

.....  
(Tandatangan Ketua Jabatan)

**SYARAT-SYARAT PERTUKARAN PELANTIKAN MELALUI OPSYEN BAGI  
 ..NAMA SKIM PERKHIDMATAN BAHARU..... GRED .....**

- |   |  |
|---|--|
| <p>1. Kerajaan telah memutuskan supaya penjumudan skim perkhidmatan ..<i>skim perkhidmatan asal dan gred...</i> dilaksanakan berkuat kuasa pada <b>2 Oktober 2021</b>. Dengan keputusan itu, tuan/puan diberi opsyen sama ada <b>menerima</b> untuk <b>ditukar lantik</b> sebagai ..<i>skim perkhidmatan baharu dan gred...</i> ataupun <b>menolak tawaran</b> pertukaran pelantikan. Jika tuan/puan <b>menolak tawaran pertukaran pelantikan ini</b>, tuan/puan akan dibersarakan di bawah perenggan 10(5)(b) Akta Pencen 1980 [<i>Akta 227</i>] atau Akta Pencen Pihak-pihak Berkuasa Berkanun dan Tempatan 1980 [<i>Akta 239</i>] bagi pegawai berpencen atau subseksyen 6A(6) Akta 227 atau Akta 239 bagi pegawai yang memilih Skim Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP). Opsyen ini adalah <b>muktamad</b>.</p> | <p><b>OPSYEN</b></p>   |
| <p>2. Tempoh opsyen yang diberi kepada tuan/puan untuk membuat pilihan ialah <b>30 hari</b> mulai tarikh surat tawaran diterima oleh pegawai. Jika tuan/puan tidak membuat pilihan atau tidak melaporkan diri bertugas pada tarikh yang ditetapkan atau membuat pilihan yang bersyarat atau gagal mengembalikan borang opsyen tanpa sebarang sebab yang munasabah, tuan/puan adalah <b>dianggap menolak</b> tawaran pertukaran pelantikan dan akan <b>dibersarakan di bawah</b> perenggan 10(5)(b) Akta Pencen 1980 [<i>Akta 227</i>] atau Akta Pencen Pihak-pihak Berkuasa Berkanun dan Tempatan 1980 [<i>Akta 239</i>] bagi pegawai berpencen atau subseksyen 6A(6) Akta 227 atau Akta 239 bagi pegawai yang memilih Skim Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP).</p>  | <p><b>TEMPOH MEMBUAT OPSYEN</b></p>                              |
| <p>3. Tuan/Puan akan ditawarkan ke jawatan .....<br/>       ...<i>skim perkhidmatan baharu dan gred</i>.....</p>  | <p><b>JAWATAN YANG DITAWARKAN</b></p>                            |
| <p>4. Tuan/Puan akan tertakluk kepada syarat dan peraturan yang diperuntukkan dalam skim perkhidmatan yang tuan/puan ditukar lantik.</p>  | <p><b>PEMAKAIAN SYARAT DAN PERATURAN PERKHIDMATAN BAHARU</b></p> |

5. Tuan/Puan akan ditawarkan:
- (a) gaji minimum di gred jawatan baharu sekiranya gaji akhir di gred jawatan asal adalah sama atau lebih rendah daripada gaji minimum di gred jawatan baharu; atau
  - (b) gaji yang sama dengan gaji akhir di gred jawatan asal jika gaji akhir tuan/puan di gred jawatan asal lebih tinggi daripada gaji minimum di gred jawatan baharu.

Pegawai yang gaji akhirnya tidak dapat ditampung oleh amaun gaji mengikut kaedah di atas, maka jadual gaji Khas Untuk Penyandang (KUP) hendaklah dipohon daripada Bahagian Saraan, JPA.

6. Pergerakan Gaji Tahunan pegawai yang sepatutnya diterima pada tahun pertukaran pelantikan hendaklah diberi dahulu di gred jawatan asal sebelum diselaraskan ke gred jawatan baharu.
7. Tarikh Pergerakan Gaji (TPG) tuan/puan adalah dikekalkan mengikut TPG jawatan asal.
8. Untuk tujuan pencen, tuan/puan yang telah disahkan dalam perkhidmatan di jawatan asal disifatkan telah disahkan dalam perkhidmatan di jawatan tukar lantik sehari selepas tarikh kuat kuasa pertukaran pelantikan.
9. Tuan/Puan yang belum disahkan dalam perkhidmatan asal, dikehendaki menghabiskan baki tempoh percubaan dan boleh disahkan dalam perkhidmatan pada bila-bila masa sekiranya telah mencukupi tempoh sekurang-kurangnya satu (1) tahun termasuk mengambil kira tempoh percubaan jawatan asal tertakluk kepada syarat tuan/puan telah memenuhi semua syarat pengesahan dalam perkhidmatan yang ditetapkan. Syarat-syarat pengesahan dalam perkhidmatan yang telah dipenuhi dengan jayanya semasa di jawatan asal adalah dikecualikan.
10. Kekananan tuan/puan di jawatan baharu dikira mulai tarikh kuat kuasa pertukaran pelantikan.

## **GAJI PERMULAAN**

## **PERGERAKAN GAJI TAHUNAN**

## **TARIKH PERGERAKAN GAJI**

## **PENGESAHAN DALAM PERKHIDMATAN**

## **TEMPOH PERCUBAAN BAGI PEGAWAI YANG BELUM DISAHKAN**

## **KEKANANAN**

- |     |  |  |
|-----|--|--|
| 11. | Jika tuan/puan belum disahkan dalam perkhidmatan, tuan/puan layak diberi opsyen skim Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) sebelum diperakukan pengesahan dalam perkhidmatan di jawatan baharu.                              | <b>OPSYEN SKIM KWSP</b>                            |
| 12. | Taraf berpencen yang diberi kepada tuan/puan sebelum pertukaran pelantikan ini dikuatkuasakan akan dikekalkan.   | <b>TARAF BERPENCEN<br/>DIKEKALKAN</b>              |
| 13. | Tuan/Puan dibenarkan membawa baki cuti rehat tahunan dan cuti rehat yang telah dikumpulkan untuk tujuan <i>award</i> wang tunai sebagai gantian cuti rehat, mengikut syarat dan peraturan yang berkuat kuasa.                | <b>CUTI REHAT</b>                                  |
| 14. | Tuan/Puan boleh ditempatkan berkhidmat di mana-mana jua seperti mana yang diarahkan oleh Ketua Perkhidmatan/ Ketua Jabatan.  | <b>PENEMPATAN</b>                                  |
| 15. | Ketua Perkhidmatan tuan/puan ialah<br>.....  | <b>KETUA<br/>PERKHIDMATAN</b>                      |
| 16. | Tuan/Puan akan sentiasa tertakluk kepada peraturan dan arahan yang berkuat kuasa dalam perkhidmatan awam.  | <b>KEPERLUAN<br/>MEMATUHI<br/>PERATURAN</b>        |
| 17. | Tuan/Puan dikecualikan daripada syarat pemeriksaan kesihatan, akuan berkanun, aku janji dan tapisan keselamatan sekiranya tuan/puan telah memenuhi syarat tersebut semasa di jawatan asal.                                   | <b>SYARAT<br/>PELANTIKAN YANG<br/>DIKECUALIKAN</b> |
| 18. | Pertukaran pelantikan tuan/puan melalui pemberian tawaran ini adalah berkuat kuasa mulai <b>2 Oktober 2021</b> .   | <b>TARIKH KUAT<br/>KUASA</b>                       |
| 19. | Hubungan tuan/puan dengan perkhidmatan asal adalah terputus <b>kecuali</b> bagi tujuan faedah persaraan dan kemudahan-kemudahan lain yang diberi berdasarkan tempoh perkhidmatan seperti cuti rehat, cuti haji dan pinjaman. | <b>HUBUNGAN DENGAN<br/>PERKHIDMATAN<br/>ASAL</b>   |



**SURAT AKUAN TERIMA**

Tarikh :

*Ketua Jabatan* .....  
*Alamat* .....  
.....  
.....  
.....  
.....

Tuan,

**TAWARAN PERTUKARAN PELANTIKAN BERIKUTAN PENJUMUDAN SKIM  
.....*SKIM PERKHIDMATAN ASAL DAN GRED*..... MELALUI PEMBERIAN  
OPSYEN**

---

Saya ..... dengan ini mengesahkan bahawa  
saya telah menerima surat tuan bil. .... bertarikh  
..... pada .....

Sekian, terima kasih.

.....

Nama :  
No. Kad Pengenalan :

**BORANG OPSYEN**  
**(.....SKIM PERKHIDMATAN ASAL..... GRED .....)**

---

Fail Ruj.:  
Tarikh:

(Nama dan Alamat Ketua Jabatan)

.....  
.....

Tuan,

**TAWARAN PERTUKARAN PELANTIKAN BERIKUTAN PENJUMUDAN SKIM  
...SKIM PERKHIDMATAN ASAL DAN GRED..... MELALUI PEMBERIAN OPSYEN**

---

Berhubung dengan surat tuan bil.: ..... bertarikh  
..... mengenai perkara di atas, maka saya dengan ini membuat pilihan  
seperti berikut: -

\* (a) **Menerima tawaran** pertukaran pelantikan sebagai  
*..skim perkhidmatan baharu dan gred..* di (Nama Jabatan) di bawah  
Klasifikasi Perkhidmatan ..... dengan gaji  
RM..... dan syarat yang dinyatakan di **Lampiran C1** surat  
tawaran tuan;

**ATAU**

\* (b) **Menolak tawaran** pertukaran pelantikan sebagai  
*..skim perkhidmatan baharu dan gred..* dan dengan ini bersetuju  
dibersarakan di bawah perenggan 10(5)(b) Akta Pencen 1980 [*Akta*  
227] atau Akta Pencen Pihak-pihak Berkuasa Berkanun dan Tempatan  
1980 [*Akta* 239] bagi pegawai berpencen atau subseksyen 6A(6) Akta  
227 atau Akta 239 bagi pegawai yang memilih Skim Kumpulan Wang  
Simpanan Pekerja (KWSP).

2. Saya sesungguhnya faham kandungan surat tawaran ini dan implikasi ke atas pilihan yang saya buat.

Tandatangan : .....

Nama Penuh :

No.Kad Pengenalan :

Jawatan :

Tarikh :

Di hadapan :

.....

SAKSI\*\*

Nama Penuh :

No.Kad Pengenalan :

Jawatan :

Tarikh :

---

**Nota:**

\* Tandakan ( ✓ ) dalam salah satu petak yang berkenaan

\*\* Ketua Jabatan atau Pegawai dalam Kumpulan Pengurusan dan Profesional

**SURAT TAWARAN OPSYEN PERTUKARAN PELANTIKAN  
BAGI PEGAWAI DALAM KUMPULAN PENGURUSAN DAN PROFESIONAL**

(*.....NAMA SKIM PERKHIDMATAN..... GRED .....*)

*(Nama dan Alamat Ketua Jabatan)*

.....  
.....

---

Fail Ruj.:  
Tarikh:

Nama : (*Nama Pegawai*)  
Alamat: .....  
.....

Tuan/Puan,

**TAWARAN PERTUKARAN PELANTIKAN BERIKUTAN PENJUMUDAN SKIM  
.....SKIM PERKHIDMATAN ASAL DAN GRED..... MELALUI PEMBERIAN OPSYEN**

---

Dengan hormatnya dimaklumkan bahawa Kerajaan telah memutuskan penjumudan skim perkhidmatan .....*skim perkhidmatan asal dan gred*..... dilaksanakan berkuat kuasa pada **2 Oktober 2021**. Sehubungan itu, tuan/puan ditawarkan pertukaran pelantikan sebagai .....*skim perkhidmatan baharu*..... Gred ..... di (Nama Jabatan) di bawah Klasifikasi Perkhidmatan ..*klasifikasi perkhidmatan baharu*.. dengan gaji RM..... mulai pada tarikh yang sama.

2. Tawaran pertukaran pelantikan melalui opsyen ini tertakluk kepada syarat-syarat seperti dinyatakan di **Lampiran D1**. Tuan/Puan dikehendaki memberi jawapan sama ada **menerima atau menolak tawaran** pertukaran pelantikan ini dengan mengisi Borang Opsyen di **Lampiran D3**. Jawapan tuan/puan hendaklah sampai ke pejabat ini sebelum atau pada ..... (30 hari mulai tarikh surat tawaran diterima).

2.1 Sekiranya tuan/puan **menerima tawaran**, tuan/puan hendaklah:

Menandakan (✓) dalam kotak yang disediakan **di perenggan (a) dalam Borang Opsyen di Lampiran D3; atau**

2.2 Sekiranya tuan/puan **menolak tawaran**, tuan/puan hendaklah:

Menandakan (✓) dalam kotak yang disediakan **di perenggan (b) dalam Borang Opsyen di Lampiran D3**. Tuan/Puan akan dibersarakan di bawah perenggan 10(5)(b) Akta Pencen 1980 [*Akta 227*] atau Akta Pencen Pihak-pihak Berkuasa Berkanun dan Tempatan 1980 [*Akta 239*] bagi pegawai berpencen atau subseksyen 6A(6) Akta 227 atau Akta 239 bagi pegawai yang memilih Skim Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP).

Sekian, terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,

.....  
(Tandatangan Ketua Jabatan)

**SYARAT-SYARAT PERTUKARAN PELANTIKAN MELALUI OPSYEN BAGI  
...*NAMA SKIM PERKHIDMATAN BAHARU*... GRED .....**

1. Kerajaan telah memutuskan supaya penjumudan skim perkhidmatan *.skim.perkhidmatan.asal.dan.gred.* dilaksanakan berkuat kuasa pada **2 Oktober 2021**. Dengan keputusan itu, tuan/puan diberi opsyen sama ada **menerima** untuk **ditukar lantik** sebagai *..skim.perkhidmatan baharu.dan.gred...* ataupun **menolak tawaran** pertukaran pelantikan. Jika tuan/puan **menolak tawaran pertukaran pelantikan ini**, tuan/puan akan dibersarakan di bawah perenggan 10(5)(b) Akta Pencen 1980 [Akta 227] atau Akta Pencen Pihak-pihak Berkuasa Berkanun dan Tempatan 1980 [Akta 239] bagi pegawai berpencen atau subseksyen 6A(6) Akta 227 atau Akta 239 bagi pegawai yang memilih Skim Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP). Opsyen ini adalah **muktamad**.

**OPSYEN**

2. Tempoh opsyen yang diberi kepada tuan/puan untuk membuat pilihan ialah **30 hari** mulai tarikh surat tawaran diterima oleh pegawai. Jika tuan/puan tidak membuat pilihan atau tidak melaporkan diri bertugas pada tarikh yang ditetapkan atau membuat pilihan yang bersyarat atau gagal mengembalikan borang opsyen tanpa sebarang sebab yang munasabah, tuan/puan adalah **dianggap menolak** tawaran pertukaran pelantikan dan akan **dibersarakan di bawah** perenggan 10(5)(b) Akta Pencen 1980 [Akta 227] atau Akta Pencen Pihak-pihak Berkuasa Berkanun dan Tempatan 1980 [Akta 239] bagi pegawai berpencen atau subseksyen 6A(6) Akta 227 atau Akta 239 bagi pegawai yang memilih Skim Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP).

**TEMPOH MEMBUAT  
OPSYEN**

3. Tuan/Puan akan ditawarkan ke jawatan .....  
*....skim.perkhidmatan.baharu.dan.gred.....*

**JAWATAN YANG  
DITAWARKAN**

4. Tuan/Puan akan tertakluk kepada syarat dan peraturan yang diperuntukkan dalam skim perkhidmatan yang tuan/puan ditukar lantik.

**PEMAKAIAN SYARAT  
DAN PERATURAN  
PERKHIDMATAN  
BAHARU**

5. Tuan/Puan akan ditawarkan:
- (a) gaji minimum di gred jawatan baharu sekiranya gaji akhir di gred jawatan asal adalah sama atau lebih rendah daripada gaji minimum di gred jawatan baharu; atau
  - (b) gaji yang sama dengan gaji akhir di gred jawatan asal jika gaji akhir tuan/puan di gred jawatan asal lebih tinggi daripada gaji minimum di gred jawatan baharu.

Pegawai yang gaji akhirnya tidak dapat ditampung oleh amaun gaji mengikut kaedah di atas, maka jadual gaji Khas Untuk Penyandang (KUP) hendaklah dipohon daripada Bahagian Saraan, JPA.

6. Pergerakan Gaji Tahunan pegawai yang sepatutnya diterima pada tahun pertukaran pelantikan hendaklah diberi dahulu di gred jawatan asal sebelum diselaraskan ke gred jawatan baharu.
7. Tarikh Pergerakan Gaji (TPG) tuan/puan adalah dikekalkan mengikut TPG jawatan asal.
8. Untuk tujuan pencen, tuan/puan yang telah disahkan dalam perkhidmatan di jawatan asal disifatkan telah disahkan dalam perkhidmatan di jawatan tukar lantik sehari selepas tarikh kuat kuasa pertukaran pelantikan.
9. Tuan/Puan yang belum disahkan dalam perkhidmatan asal, dikehendaki menghabiskan baki tempoh percubaan dan boleh disahkan dalam perkhidmatan pada bila-bila masa sekiranya telah mencukupi tempoh sekurang-kurangnya satu (1) tahun termasuk mengambil kira tempoh percubaan jawatan asal tertakluk kepada syarat tuan/puan telah memenuhi semua syarat pengesahan dalam perkhidmatan yang ditetapkan. Syarat-syarat pengesahan dalam perkhidmatan yang telah dipenuhi dengan jayanya semasa di jawatan asal adalah dikecualikan.
10. Kekananan tuan/puan di jawatan baharu dikira mulai tarikh kuat kuasa pertukaran pelantikan.

## **GAJI PERMULAAN**

## **PERGERAKAN GAJI TAHUNAN**

## **TARIKH PERGERAKAN GAJI**

## **PENGESAHAN DALAM PERKHIDMATAN**

## **TEMPOH PERCUBAAN BAGI PEGAWAI YANG BELUM DISAHKAN**

## **KEKANANAN**

- |     |  |  |
|-----|--|--|
| 11. | Jika tuan/puan belum disahkan dalam perkhidmatan, tuan/puan layak diberi opsyen skim Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) sebelum diperakukan pengesahan dalam perkhidmatan di jawatan baharu.                              | <b>OPSYEN SKIM KWSP</b>                            |
| 12. | Taraf berpencen yang diberi kepada tuan/puan sebelum pertukaran pelantikan ini dikuatkuasakan akan dikekalkan.   | <b>TARAF BERPENCEN<br/>DIKEKALKAN</b>              |
| 13. | Tuan/Puan dibenarkan membawa baki cuti rehat tahunan dan cuti rehat yang telah dikumpulkan untuk tujuan <i>award</i> wang tunai sebagai gantian cuti rehat, mengikut syarat dan peraturan yang berkuat kuasa.                | <b>CUTI REHAT</b>                                  |
| 14. | Tuan/Puan boleh ditempatkan berkhidmat di mana-mana jua seperti mana yang diarahkan oleh Ketua Perkhidmatan/ Ketua Jabatan.  | <b>PENEMPATAN</b>                                  |
| 15. | Ketua Perkhidmatan tuan/puan ialah .....   | <b>KETUA<br/>PERKHIDMATAN</b>                      |
| 16. | Tuan/Puan akan sentiasa tertakluk kepada peraturan dan arahan yang berkuat kuasa dalam perkhidmatan awam.  | <b>KEPERLUAN<br/>MEMATUHI<br/>PERATURAN</b>        |
| 17. | Tuan/Puan dikecualikan daripada syarat pemeriksaan kesihatan, akuan berkanun, aku janji dan tapisan keselamatan sekiranya tuan/puan telah memenuhi syarat tersebut semasa di jawatan asal.                                   | <b>SYARAT<br/>PELANTIKAN YANG<br/>DIKECUALIKAN</b> |
| 18. | Pertukaran pelantikan tuan/puan melalui pemberian tawaran ini adalah berkuat kuasa mulai <b>2 Oktober 2021</b> .   | <b>TARIKH KUAT<br/>KUASA</b>                       |
| 19. | Hubungan tuan/puan dengan perkhidmatan asal adalah terputus <b>kecuali</b> bagi tujuan faedah persaraan dan kemudahan-kemudahan lain yang diberi berdasarkan tempoh perkhidmatan seperti cuti rehat, cuti haji dan pinjaman. | <b>HUBUNGAN DENGAN<br/>PERKHIDMATAN<br/>ASAL</b>   |



**SURAT AKUAN TERIMA**

Tarikh :

*Ketua Jabatan* .....  
*Alamat* .....  
.....  
.....  
.....  
.....

Tuan,

**TAWARAN PERTUKARAN PELANTIKAN BERIKUTAN PENJUMUDAN SKIM  
.....SKIM PERKHIDMATAN ASAL DAN GRED..... MELALUI PEMBERIAN  
OPSYEN**

---

Saya ..... dengan ini mengesahkan bahawa  
saya telah menerima surat tuan bil. .... bertarikh  
..... pada .....

Sekian, terima kasih.

.....

Nama :  
No. Kad Pengenalan :

**BORANG OPSYEN**  
**(.....SKIM PERKHIDMATAN ASAL..... GRED .....)**

---

Fail Ruj.:  
Tarikh:

(Nama dan Alamat Ketua Jabatan)

.....  
.....

Tuan,

**TAWARAN PERTUKARAN PELANTIKAN BERIKUTAN PENJUMUDAN SKIM**  
**.....SKIM PERKHIDMATAN ASAL DAN GRED..... MELALUI PEMBERIAN OPSYEN**

---

Berhubung dengan surat tuan bil.: ..... bertarikh  
..... mengenai perkara di atas, maka saya dengan ini membuat pilihan  
seperti berikut: -

\* (a) **Menerima tawaran** pertukaran pelantikan sebagai  
*...skim perkhidmatan baharu dan gred...* di (Nama Jabatan) di bawah  
Klasifikasi Perkhidmatan ..... dengan gaji  
RM..... dan syarat yang dinyatakan di **Lampiran D1** surat  
tawaran tuan;

**ATAU**

\* (b) **Menolak tawaran** pertukaran pelantikan sebagai  
*...skim perkhidmatan baharu dan gred...* dan dengan ini bersetuju  
dibersarakan di bawah perenggan 10(5)(b) Akta Pencen 1980 [*Akta*  
227] atau Akta Pencen Pihak-pihak Berkuasa Berkanun dan Tempatan  
1980 [*Akta 239*] bagi pegawai berpencen atau subseksyen 6A(6) Akta  
227 atau Akta 239 bagi pegawai yang memilih Skim Kumpulan Wang  
Simpanan Pekerja (KWSP).

2. Saya sesungguhnya faham kandungan surat tawaran ini dan implikasi ke atas pilihan yang saya buat.

Tandatangan : .....

Nama Penuh :

No.Kad Pengenalan :

Jawatan :

Tarikh :

Di hadapan :

.....

SAKSI\*\*

Nama Penuh :

No.Kad Pengenalan :

Jawatan :

Tarikh :

---

**Nota:**

\* Tandakan ( ✓ ) dalam salah satu petak yang berkenaan

\*\* Ketua Jabatan atau Pegawai dalam Kumpulan Pengurusan dan Profesional

## LAMPIRAN E

### CONTOH 1: KAEDAH PENENTUAN GAJI PERMULAAN BAGI PERTUKARAN PELANTIKAN PEMBANTU MAKMAL FILEM GRED C19 KEPADA PEMBANTU TADBIR (PERKERANIAN/OPERASI) GRED N19 [TPG ASAL SELAIN 1 OKTOBER]

Tarikh Kuat Kuasa	: 2 Oktober 2021
TPG Asal	: 1 April
JGMM Gred N19	: RM1,352.00 - RM4,003.00
KGT N19	: RM100.00

Tarikh	Gaji Sekarang Gred C19 (RM)	Gaji Baharu Gred N19 (RM)	Catatan
01.10.2021	1,757.00	-	Gaji pegawai sehari sebelum tarikh kuat kuasa pertukaran pelantikan. (Gaji ini telah termasuk pergerakan gaji bagi tahun 2021).
02.10.2021	1,757.00	1,757.00	Tarikh kuat kuasa pertukaran pelantikan.  Penetapan gaji permulaan di jawatan tukar lantik adalah pada amaun gaji yang sama dengan amaun gaji akhir kerana gaji akhir di gred jawatan asal lebih tinggi daripada gaji minimum di gred jawatan baharu.  TPG pegawai dikekalkan pada 1 April mengikut jawatan asal.
01.04.2022	-	1,857.00 [diberi 1 KGT di gred N19 iaitu RM100.00]	Diberi pergerakan gaji bagi tahun 2022 di gred jawatan baharu mengikut keputusan PPSM.

#### Catatan:

TPG : Tarikh Pergerakan Gaji

JGMM : Jadual Gaji Minimum - Maksimum

KGT : Kenaikan Gaji Tahunan

PPSM : Panel Pembangunan Sumber Manusia

**CONTOH 2: KAEDAH PENENTUAN GAJI PERMULAAN BAGI  
PERTUKARAN PELANTIKAN PENGUASA BEKALAN AIR GRED J19  
KEPADA PEMBANTU KEMAHIRAN GRED H19  
[TPG ASAL 1 OKTOBER]**

Tarikh Kuat Kuasa : 2 Oktober 2021  
 TPG Asal : 1 Oktober  
 JGMM Gred H19 : RM1,377.00 - RM4,052.00  
 KGT H19 : RM100.00

<b>Tarikh</b>	<b>Gaji Sekarang Gred J19 (RM)</b>	<b>Gaji Baharu Gred H19 (RM)</b>	<b>Catatan</b>
30.09.2021	1,877.00	-	Gaji pegawai sehari sebelum diberi pergerakan gaji tahun 2021.
01.10.2021	1,977.00	-	Diberi pergerakan gaji bagi tahun 2021 di gred jawatan asal mengikut keputusan PPSM.  Gaji pegawai sehari sebelum tarikh kuat kuasa pertukaran pelantikan.
02.10.2021	1,977.00	1,977.00	Tarikh kuat kuasa pertukaran pelantikan.  Penetapan gaji permulaan di jawatan tukar lantik adalah pada amaun gaji yang sama dengan amaun gaji akhir kerana gaji akhir di gred jawatan asal lebih tinggi daripada gaji minimum di gred jawatan baharu.  TPG pegawai dikekalkan pada 1 Oktober mengikut jawatan asal.
01.10.2022	-	2,077.00 [diberi 1 KGT di gred H19 iaitu RM100.00]	Diberi pergerakan gaji bagi tahun 2022 di gred jawatan baharu mengikut keputusan PPSM.

**Catatan:**

TPG : Tarikh Pergerakan Gaji  
 JGMM : Jadual Gaji Minimum - Maksimum  
 KGT : Kenaikan Gaji Tahunan  
 PPSM : Panel Pembangunan Sumber Manusia